



## JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.jwp.gov.my](http://www.jwp.gov.my)

---

## KENYATAAN MEDIA

### PAVILLION WILAYAH PERSEKUTUAN DI MAHA 2024

**MAEPS SERDANG, 12 SEPTEMBER 2024** – YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) hari ini merasmikan Laman Wilayah Persekutuan yang menjadi komponen utama Pavillion Wilayah Persekutuan di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024. Meraikan 100 tahun MAHA, julung kalinya Pavilion Wilayah Persekutuan dengan gabungan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan membuka pintu kepada para pengunjung dengan pelbagai aktiviti menarik.

Struktur Laman Wilayah Persekutuan dibina dengan menerapkan teknologi binaan terkini 'Green Building' yang dilengkapi lampu LED. Ini mengambil kira kelestarian alam dengan penggunaan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH). Para pengunjung dapat menambah pengetahuan tentang *Urban Farming* di *corner* Kebun Komuniti Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21 KL). Pameran produk Biodegrasi juga turut terdapat di Pavillion Wilayah Persekutuan ini.

Pavilion Wilayah Persekutuan yang mengetengahkan elemen bandar dalam taman membawa 16 usahawan PUJI Wilayah Persekutuan di Bazar Jualan. Pelbagai jualan produk ditonjolkan seperti mochi, pastri, roti john, kraf tangan, produk kecantikan dan banyak lagi buat para pengunjung. Ini juga menjadi platform kepada usahawan-usahawan PUJI untuk berkongsi pengalaman, bertukar idea dan mencari rakan niaga yang berpotensi.

Segmen Wilayah Persekutuan Berkongsi RASA menghadirkan pelbagai *signature food* yang menjadi kegemaran orang ramai termasuk makanan-makanan viral di Wilayah Persekutuan sebagai daya tarikan utama. Para pengunjung boleh mencuba kelazatan sup ikan Labuan dan ambuyat yang dibawa khas dari Wilayah Persekutuan Labuan. Bubur lambuk dan nasi lemak Kampung Bharu *legend* juga turut dihidangkan di Pavillion Wilayah Persekutuan.

Laman Wilayah Persekutuan ini juga memberi peluang kepada pengunjung bersua kenal dengan wira dan wirawati SUKMA Wilayah Persekutuan, mendapatkan info-info terkini Wilayah Persekutuan melalui paparan interaktif dan boleh menyertai pelbagai aktiviti seperti pertandingan mewarna, timbang bola dengan atlet Wilayah Persekutuan, pertandingan menyampaikan sajak, saringan kesihatan dan banyak lagi. Penampilan khas Bell Ngasri pada 13, 16 dan 22 September di Pavillion Wilayah Persekutuan pastinya menggamatkan suasana ceria Laman Wilayah Persekutuan.

**Disediakan oleh:  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Jabatan Wilayah Persekutuan  
12 September 2024**